

**Metodologi Ilmu Tarannum Raghīb  
Muṣṭafā Ghalwasy: Suatu Tinjauan Awal**

***Methodology of Tarannum Science of  
Raghīb Muṣṭafā Ghalwasy: An Early Review***

Muhammad Lukman Ibrahim

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. mdlukman@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no1.5>

***Abstract***

*Reciting the Qur'an is amongst the most recommended rituals in Islam. More than that is reciting the Qur'an with tarannum and beautiful voice. This will bring the light of the miracle to the people again. This article aims to introduce the famous qari figure of Egyptian state Raghīb Muṣṭafā Ghalwasy. This article also looks at the methodology used by him in presenting his readings. Besides looking at the methodology of other leading Egyptian qari leaders like Muṣṭafā Ismā'īl and 'Abd al-Basīṭ' Abd al-Ṣamad, who has become the most followed qari in Malaysia.*

***Keywords:*** *Qur'an, tarannum, Muṣṭafā Ghalwasy*

***Abstrak***

Membaca al-Qur'an adalah suatu ibadat yang amat dituntut dalam Islam. Lebih dari itu adalah bacaan secara tarannum dan memperindahkan seni suara. Ini akan menyerlahkan lagi sinar mukjizat tersebut kepada umat. Artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan tokoh qari tersohor negara Mesir Raghīb Muṣṭafā Ghalwasy. Artikel ini juga melihat sejauh mana metodologi yang digunapakai oleh beliau dalam mempersembahkan bacaan beliau. Di samping melihat secara perbandingan dengan metodologi tokoh utama qari Mesir yang lain seperti Muṣṭafā Ismā'īl dan 'Abd al-Basīṭ 'Abd al-Ṣamad yang menjadi ikutan utama dalam pengajian ilmu tarannum di Malaysia secara khusus.

***Kata kunci:*** *al-Qur'an, tarannum, Muṣṭafā Ghalwasy*

***Pendahuluan***

Al-Qur'an adalah wahyu Allah yang hanya dengan membacanya sahaja sudah dikurniakan pahala. Bahkan bacaan setiap hurufnya akan diganjar dengan 10 pahala. Di dalam pelbagai hadis Nabi, Baginda SAW menekankan tentang pembacaan yang baik,

memperelok suara, dan pada zaman kini ia lebih di kenali dengan ilmu tarannum.<sup>1</sup>

Ilmu tarannum telah bermula sejak sebelum kedatangan agama Islam lagi. Setiap bangsa dan rumpun masyarakat sejak dahulu telah ada kecenderungan terhadap bunyi-bunyian yang baik dan merdu. Ini adalah disebabkan oleh fitrah kejadian manusia yang menyukai bunyi yang baik. Bunyian yang baik akan membangkitkan jiwa, menguatkan semangat dan merehatkan minda.

Setiap bangsa juga mempunyai alat-alat muzik yang berlainan untuk melahirkan bunyian yang menjadi halwa telinga. Misalnya, dalam masyarakat Melayu mempunyai gendang, cina mempunyai kecapi dan Arab mempunyai seruling. Ini membuktikan bahawa bunyian yang baik tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Sabda Rasulullah SAW:

روحوا القلوب ساعة فساعة.

Terjemahan: Rehatkanlah hati kamu seketika kemudian pada ketika yang lain pula.<sup>2</sup>

‘Ali pula berkata, “rehatkanlah hati kamu, sesungguhnya hati akan jemu dan keletihan seperti badan kamu.”<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Sabda Rasulullah SAW; “Allah tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan tarannum (tarannum) Al-Qurannya”. Lihat Abd al-‘Azim Bin Abd al-Qawī al-Mundhirī, *Al-Targhīb wa al-Tarhīb min Ḥadīth al-Sharīf* (Mesir: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1933), 2:309. Lihat juga Ibn Himmat Shams al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ḥasan al-Dimahsqī, *al-Tankit wa al-Ifādah fī Takhrīj Ahādīth Khātimah Safar al-Sa‘adah* (Damsyik: Dār al-Ma‘mūn, t.t.), 189. kedua-duanya dengan sanad yang *sahih*. Sabda Baginda SAW seterusnya, ‘Abd Allāh bin Mughaffāl al-Muzanī berkata bahawa Rasulullah SAW membaca surah *al-Fath* pada tahun pembukaan kota makkah. Pada ketika itu Baginda sedang menuju ke Makkah di atas kenderaan Baginda. Baginda membacanya dalam keadaan mentarannumkannya.” Lihat Muslim bin Hajjaj al-Qushayrī al-Naysabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabi, 1995), 2:193.

<sup>2</sup> ‘Abd al-Ra’ūf bin Tāj al-‘Arīfīn al-Munāwīy, *Fayd al-Qādir Sharḥ al-Jāmi’ al-Saghīr* (Mesir: Maktabah al-Tijā’riyah al-Kubrā, 1934), 4:53. Hadith ini mursal. Lihat Muhammad ‘Abduh, *al-Fatāwā al-Islāmiyyah min Dār al-Ifā’ al-Miṣriyyah* (Kaherah: Jumhuriyyah al-Miṣr al-‘Arabiyyah, Wizārah al-Awqāf, 1980), 10:368.

<sup>3</sup> Al-Munāwīy, *Fayd al-Qādir Sharḥ al-Jāmi’ al-Saghīr*, 4:53.

Masyarakat Arab adalah suatu bangsa yang amat suka kepada tarannum. Mereka digambarkan sering menyanyi dan bertarannum walau di mana mereka berada. Kanak-kanak bermain sambil menyanyi, peniaga menyanyi sambil menjual barang jualan mereka dan wanita yang berkabung juga menyanyi kesedihan kerana kematian orang yang dikasihi.<sup>4</sup>

Justeru, dalam ilmu ini lahir beberapa tokoh besar yang menjadi ikutan dan melahirkan minat kepada masyarakat untuk turut menghayati bacaan al-Quran termasuklah tokoh Raghīb Muṣṭafā Ghalwasy.

### **Kelahiran dan Pembelajaran al-Qur'an**

Beliau dilahirkan pada hari khamis 5 Julai 1938 di Tanta Barat. Sejak dari kecil beliau adalah seorang peminat al-Quran dan tarannum. Beliau menghafaz al-Quran pada usia kecil iaitu sekitar 12 tahun. Kebetulanannya latar belakang keluarga beliau adalah dari kalangan *huffaz* al-Quran.

Beliau belajar dengan beberapa orang guru al-Quran di Tanta dan menekuni bacaan qari qari terkenal sebelumnya seperti Muḥammad Rif'at, Muṣṭafā Ismā'īl dan 'Abd al-Basīṭ.

Beliau meneruskan rasmi bacaan qari terkenal di masjid *Ḥusayn*<sup>5</sup> iaitu membaca al-Quran sebelum solat waktu dan

---

<sup>4</sup> Al-Sa'īd Labīb, *al-Taghanniy bi al-Qur'ān* (t.tp.: al-Hay'ah al-Āmmah li al-Tawzī' wa al-Nashr, 1970), 5.

<sup>5</sup> Masjid al-Ḥusayn adalah sebuah masjid yang dibina pada tahun 1154M. Masjid ini terletak di Kaherah, Mesir, berhampiran dengan bazar Khan El-Khalili. Ia dianggap sebagai salah satu tempat Islam yang paling dihormati di Mesir. Lihat "Al-Hussein Mosque", laman sesawang *Wikipedia*, [https://en.wikipedia.org/wiki/Al-Hussein\\_Mosque](https://en.wikipedia.org/wiki/Al-Hussein_Mosque). Masjid ini dibina di atas pemakaman khalifah Fatimiyah, walaupun ini tidak dipastikan berdasar arkeologi tapak tersebut. Ia dinamakan sempena nama cucu Nabi Muḥammad SAW, Ḥusayn ibn 'Alī. Syiah percaya bahawa kepala Ḥusayn dikedubkan di bawah masjid tersebut. Kompleks ini termasuk sebuah makam, yang bermula dari pembinaan asal masjid pada tahun 1154. Lihat Caroline Williams, *Islamic Monuments in Cairo: The Practical Guide* (Kaherah: American University in Cairo Press, 2002), 193-194. Bangunan itu dibina semula pada abad ke-19 dengan seni bina dipengaruhi oleh seni bina Revolusi Gothik. Hari ini, masjid menempatkan beberapa barang yang bersejarah dan serta terdapat manuskrip lengkap al-Quran yang tertua. Lihat "The 'Qur'an of 'Uthmān" at the Al-Hussein Mosque, Cairo, Egypt, From 1st / 2nd Century Hijra", lama sesawang *Islamic Awareness*, <https://www.islamic-awareness.org/quran/text/mss/hussein>

sebelum solat Jumaat. Terpilih memperdengarkan bacaan di sana adalah pengiktirafan yang besar bagi seorang qari. Beliau meninggal dunia 4 Febuari 2016.

### **Kecenderungan Aliran Tarannum**

Pada awal penglibatan beliau dalam bacaan dan persembahan tarannum al-Quran, beliau adalah *muqallid*<sup>6</sup> Şiddīq al-Minshawī<sup>7</sup>. Kemudian beliau mengikuti jalan bacaan Muşţafā Ismā‘īl<sup>8</sup>. Namun beliau kelihatan tidak dapat menurut semua metodologi Muşţafā Ismā‘īl. Akhirnya beliau memilih untuk membaca dengan *ṭarīq* tersendiri yang sehingga kini dikenali dengan *Ṭarīq Ghalwasy*.

Secara asasnya juga dalam ilmu tarannum, *muqallid* sepatutnya tidak menurut bacaan syeikh secara seratus peratus kerana beberapa sebab:

1. Bakat dan kemampuan suara yang berbeza. Ia seperti seorang qari yang begitu selesa dengan *ṭabaqah jawāb al-jawāb* kerana kebolehan suaranya. Sedangkan *muqallid* mempunyai kemampuan berlainan. Justeru tidak mungkin seorang *muqallid* mengikut gurunya seratus peratus.
2. *Muqallid* mempelajari dengan pelbagai guru. Dengan itu rangkuman dari ilmu yang dipelajari akan melahirkan kepakaran dan *ṭarīq* yang tersendiri.
3. Setiap qari akan mempunyai gaya bacaan dan bakat tersendiri. Sepatutnya ia tidak dibataskan dengan hanya meniru bacaan qari-qari tertentu tanpa ada jalan untuk berkarya dalam ilmu ini.

### **Rehlah Ilmiah dan Persembahan Bacaan**

Semenjak usia beliau 16 tahun, beliau telah mempersembahkan bacaan di pelbagai tempat di Mesir dan sekitarnya. Pada usia 24 tahun beliau telah menjadi Qari radio dan televisyen Mesir.

Ghalwash mengembara ke negara-negara lain untuk pembacaan Al-Quran termasuk negara-negara Arab Kuwait, Arab Saudi dan UAE serta Perancis, Kanada, UK dan Amerika Syarikat.

---

<sup>6</sup> Seorang qari mengikut gaya dan alunan tarannum gurunya atau pun mengikut jalan qari terdahulu.

<sup>7</sup> Beliau meninggal pada tahun 1969. Maḥmd Sa’danī, *Alḥan al-Sama’* (t.tp.: Maktabah Kutub al-Ādāb, t.t.). 115-116.

<sup>8</sup> Qari ulung Mesir. Wafat 1978.

Beliau adalah qari Mesir pertama yang melawat Iran selepas perang Iran-Iraq 1980-1988.

Sehingga kini rakaman azan beliau masih berkumandang di Iran dan bacaan beliau mendapat pujian dari Presiden Iran Ayatollah Seyed Ali Khamenei.<sup>9</sup>

Beliau membuat persembahan bacaan di pelbagai negara dunia seperti Afrika, Perancis, Amerika, Iran, Russia dan pelbagai negara yang beliau lawati.

Muṣṭafā Ghalwasy mempunyai ramai murid namun yang agak menonjol dan masih mengekalkan metodologi dan gaya bacaan beliau ialah Ahmad Yusuf al-Azhari<sup>10</sup> dan Tarmizi Ali.<sup>11</sup>

## Metodologi Bacaan

### 1. Tarannum

Muṣṭafā Ghalwasy biasa memulakan bacaan dengan tarannum Bayyati.<sup>12</sup> Ini menjadi kebiasaan kepada hampir keseluruhan qari kerana tarannum *Bayyati* memberi kelapangan dan kerehatan ketika memulakan bacaan.

Namun, beliau juga memulakan bacaan dengan tarannum Rast. Dalam bacaan yang telah ditelusuri, Maḥmūd mampu membaca dengan 2 tarannum sahaja iaitu tarannum *Bayyati* sebagai permulaan dan tarannum *Rast* sepanjang bacaan beliau yang melebihi setengah jam. Kebiasaan para qari akan membaca beberapa tarannum dalam satu bacaan. Ini disebabkan kemampuan untuk mempelbagaikan harakat tarannum dengan hanya satu tarannum amat sukar. Ini menunjukkan kemampuan kemahiran yang tinggi yang di miliki oleh syaikh Muṣṭafā Ghalwasy.

---

<sup>9</sup> “Mustafa Ghalwash (1938-2016)”, website *Financial Tribune*, <https://financialtribune.com/articles/art-and-culture/35749/mustafa-ghalwash-1938-2016>

<sup>10</sup> Beliau adalah qari Bangladesh yang belajar dari Ghalwasy.

<sup>11</sup> Beliau adalah Johan Antarabangsa Malaysia 2014. Lebih dikenali sebagai *Muqallid* Ghalwasy.

<sup>12</sup> Muhammad Lukman bin Ibrahim, “Tarannum Al-Qur'an melalui Ṭarīq al-Shaṭībī: Kajian Terhadap Pengamalannya dalam Kalangan Qari-qari Kelantan ke Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2010), 78.

## 2. Harakat

Harakat ialah gaya alunan sesuatu tarannum yang tersusun daripada beberapa *qit'ah*<sup>13</sup> dengan *mahattah*<sup>14</sup> yang tertentu. Di sini, perlu disedari bahawa tTerdapat dua jenis harakat yang biasa digunakan dalam bacaan al-Qur'an. Kedua-dua jenis harakat ini sangat penting dalam menghidupkan bacaan al-Qur'an seseorang. Jika kedua-duanya dipadukan dengan baik, maka suatu bacaan yang penuh keahlian dan kemahiran akan terhasil dari seseorang qari. Harakat tersebut ialah harakat tajwid dan harakat tarannum.

a) Harakat Tajwid. Harakat tajwid iaitu kadar panjang dan pendek suatu huruf atau kalimah yang dibaca, sama ada panjangnya 1, 2, 3, 4, 5, atau 6 harakat. Kadar ini berbeza di antara satu mad dengan satu mad yang lain seperti mad tabi'i panjangnya 2 harakat dan mad lazim 6 harakat.<sup>15</sup>

Ukuran panjang adalah mengikut gerak jari atau gerakan sesuatu bacaan tersebut. Satu gerak jari adalah dikira satu harakat, manakala dua harakat adalah dikira satu alif. Begitulah seterusnya.

Bil.	Harakat	Istilah
1.	Satu	harakat
2.	Dua	Qasr
3.	Empat	Tawassut
4.	Enam	Mad <sup>16</sup>

b) Harakat Tarannum. Gaya alunan tarannum yang tersusun daripada beberapa *qit'ah* dengan mahattahnya yang tertentu. Untuk membina sesebuah tarannum, ia memerlukan sekurang-kurangnya 4 harakat yang sempurna. Jika ia melebihi 4 harakat yang maka ia dikira bonus yang melengkapi tarannum tersebut.<sup>17</sup>

Tiap-tiap harakat mempunyai peranannya yang khusus. Setiap qari dan qariah perlu mengetahui dan memahami peranan-peranan harakat ini, bertujuan untuk menyusun dan menyesuaikan

<sup>13</sup> Gaya potongan tarannum dihujung sesuatu harakat.

<sup>14</sup> Diterangkan di dalam topik mahattah.

<sup>15</sup> Lukman, "Tarannum Al-Qur'an melalui Tarīq al-Shaṭībī: Kajian Terhadap Pengamalannya dalam Kalangan Qari-qari Kelantan ke Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005", 68.

<sup>16</sup> Abdullah al-Qari Hj. Saleh, *Kursus Qari dan Qariah* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1984), 88.

<sup>17</sup> Haji Mohammad Haji Yusuf, "Pengajian Al-Quran Berlagu di Kelantan: Sejarah dan Perkembangannya" (Kertas Projek, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992), 41.

antara satu harakat dengan satu harakat yang lain dengan lebih rapi, tersusun dan sempurna lagi. Ini kerana dengan bertitik tolak dari percampuran dan peningkatan beberapa harakat inilah, maka lahirnya suatu gaya tarannum yang tertentu.

Ini bermakna tanpa pemahaman yang jitu, seorang qari dan qariah tersebut tidak akan dapat membentuk suatu tarannum dengan berkesan. Juga persembahan yang bercampur aduk antara beberapa gaya harakat dari tarannum-tarannum yang berlainan. Cara bacaan yang sebegini adalah terkeluar dari peraturan tarannum yang dikehendaki. Harakat mesti disusun mengikut keutamaan seperti berikut:

- i. harakat pertama - hendaklah disesuaikan dengan harakat yang terakhir pada tarannum sebelumnya, sama ada gaya, *ṭabaqah* dan susunannya.
- ii. harakat kedua - ia merupakan harakat rangsangan kepada harakat berikutnya.
- iii. harakat ketiga - ia merupakan harakat jawa.
- iv. b (tinggi) kepada suatu tarannum.
- v. harakat keempat - ia merupakan *ḥarakāt jawāb al-jawāb* (tertinggi) kepada sesuatu tarannum.
- vi. harakat kelima - ia merupakan harakat persediaan untuk menurun.
- vii. harakat keenam - ia merupakan harakat penutup kepada sesuatu tarannum.<sup>18</sup>

Tarannum *Bayyati* pembukaan tidak perlu di akhiri dengan harakat penutup. Ini kerana terdapat tarannum lain yang akan dibawa oleh para qari selepas tarannum *Bayyati*.

Tiap-tiap tarannum hendaklah ditutup dengan tarannumnya yang tersendiri kecuali perpindahan tarannum yang dibuat secara *wuṣlah al-mumathalah*.<sup>19</sup> Penamat sesuatu persembahan bacaan biasanya diakhiri dengan tarannum *Bayyati* sebagai penutup.

Muṣṭafā Ghalwasy mempunyai kepakaran tinggi dalam menyusun harakat. Beliau tidak menyusun harakat seperti sepatutnya tetapi masih kelihatan amat baik. Contohnya, beliau memlulakan *ḥarakāt Nawwah* dengan beberapa ayat dan seterusnya melompat kepada jawabul jawab. Ini ada suatu

---

<sup>18</sup> Nik Jaafar Nik Ismail, *Qawa'id al-Tarannum* (Kuala Lumpur: Darul Fikr, 1998), 126.

<sup>19</sup> Diterangkan dalam topik *wuṣlah al-mumathalah*.

kelainan yang memberi kesan yang menarik pada bacaan tarannum.

### 3. *Wuslah al-Mumathalah*

*Wuslah al-Mumathalah* ialah suatu gaya harakat yang bercampur dari dua air tarannum yang berlainan.<sup>20</sup> Ianya terdapat dalam dua bentuk yang berbeza:

i. Gaya harakat yang dicampurkan antara dua irama tarannum (air tarannum) yang berlainan. Sebagai contoh seorang qari berada pada tarannum jaharkah. Beliau mencampurkan *ḥarakāt jawāb* dengan tarannum *Ṣaba*. Namun dihujung harakat tersebut ia kembali kepada tarannum jaharkah.

ii. Perpindahan satu tarannum ke satu tarannum yang lain dalam satu harakat. Ini bermaksud seorang qari melakukan satu tarannum dan terus berpindah kepada tarannum yang lain tanpa kembali kepada tarannum asal.<sup>21</sup>

Kedua-dua kaedah diatas mempunyai nilai tersendiri dalam ilmu tarannum. Ia akan menambah elok sesuatu jalan bacaan dan tarannum. Dalam kaedah Majlis Tilawah Al-Quran ia diberi markah istimewa sekiranya seorang qari dapat melakukan *wuslah al-mumathalah* dengan baik.

Biasanya harakat yang dibaca seringkali menjadi kaku, beku dan tumpul setelah beberapa tarannum yang dibawa secara berasingan. Jadi kaedah untuk menghidupkan semula setiap harakah ini ialah dengan *wuslah al-mumathalah*.

Muṣṭafā Ghalwasy sering menggunakan kaedah *wuṣlah al-mumathalah*<sup>22</sup> untuk menghidupkan teknik bacaan.

### 4. *Mahattah*

*Mahattah* ialah gaya penghujung (perhentian) suatu harakat atau tarannum. Ini bererti seorang qari ingin menamatkan satu-satu bacaan hendaklah memilih mana-mana mahattah yang sesuai dengan harakat ataupun suatu tarannum yang dibaca.<sup>23</sup>

---

<sup>20</sup> Nordin Idris (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1985), dalam temubual dengan penulis, 5 september 2009.

<sup>21</sup> Nordin Idris (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1985), dalam temubual dengan penulis, 5 september 2009.

<sup>22</sup> *Wuṣlah al-mumathalah* adalah kaedah yang menggabungkan 2 lagu.

<sup>23</sup> Haji Mohammad bin Haji Yusuf, "Pengajian Al-Quran Berlagu di Kelantan: Sejarah dan Perkembangannya," 45.



*Mahattah* mempunyai peranan penting dalam bacaan. Sekiranya mahattah yang dibuat tidak serasi dengan sesuatu harakat, maka ia akan mencacatkan harakat-harakat seterusnya.<sup>24</sup>

Setiap qari mempunyai perbezaan dalam menyempurnakan mahattah ini. Ia berkaitan dengan suara dan kemahiran qari itu sendiri. Dalam erti kata lain mahattah dan akan membezakan antara qari. Dan ini adalah kemahiran tersendiri yang dilakukan oleh syaikh Mustafa dengan mempelbagaikan mahattah dalam bacaan tanpa ada kepayahan.

### 5. Tabaqah

*Ṭabaqah* ialah suatu tingkatan atau tahap suara yang berkaitan dengan sesuatu tarannum yang tertentu.<sup>25</sup>

Suara seseorang mempunyai beberapa *ṭabaqah* atau tingkatan iaitu:

- i. Tingkatan suara yang paling rendah iaitu suara yang keluar dari rongga dada dan perut. Ini dinamakan suara tahap *qarar*.<sup>26</sup>
- ii. Tingkatan suara yang sederhana serta meninggi sedikit berbanding dengan suara *qarar*. Ia keluar dari sebelah atas dada sehingga ke leher. Ia dinamakan suara tahap *nawwah*.<sup>27</sup>
- iii. Tingkatan suara yang tinggi. Ia keluar dari rongga leher sehingga rongga hidung dan dinamakan suara tahap *jawāb*.<sup>28</sup>
- iv. Tingkatan suara tertinggi iaitu suara yang keluar dari rongga hidung sehingga rongga kepala iaitu dinamakan tahap *jawāb al-jawāb*.
- v. Tingkatan suara yang menurun yang dinamakan dengan *nuzūl*.

---

<sup>24</sup> Hj Hasan Musa (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1964), dalam temubual dengan penulis, 25 Julai 2009.

<sup>25</sup> Haji Mohammad bin Haji Yusuf, "Pengajian Al-Quran Berlagu di Kelantan: Sejarah dan Perkembangannya," 44.

<sup>26</sup> Suara asas yang rendah.

<sup>27</sup> *Nawwah* adalah dari bahasa Arab (نَوَّه) yang bermaksud naik atau meninggi. Menurut Nik Jaafar, ia juga dikatakan dari perkataan *Nawah* (نَوَّاه) yang bermaksud biji tamar. Ia digunakan demikian kerana dalam bentuk kiasan iaitu dari biji tamar akan berkembang biak menjadi pohon tamar yang besar. Begitu juga halnya dengan *ṭabaqah nawwah* yang merupakan pemangkin kepada harakat seterusnya. Lihat Muḥammad bin Mukarram Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1983), 10:34

<sup>28</sup> *Jawab* ialah istilah yang merujuk kepada suara tahap ketiga. Ia di sebut suara tahap tinggi. Ia dikatakan demikian kerana dalam ilmu tarannum jawaban kepada suatu tahap suara sepatutnya lebih tinggi dari tahap yang sebelumnya.

vi. Tingkatan suara rendah iaitu *qarar* sebagai penutup sesuatu tarannum.

Pengetahuan mengenai *ṭabaqah* amat penting kepada seorang qari yang ingin bertarannum. Ini kerana *ṭabaqah* berperanan memberi tenaga dan peningkatan suara yang sesuai kepada sesuatu bacaan. Jika tidak, bacaan tersebut tidak dapat dikatakan bertarannum dan kelihatan hambar tidak bermaya.

Kepelbagaian *ṭabaqah* ini dilakukan dengan amat baik oleh Muṣṭafā Ghalwasy. Beliau tidak akan menggunakan *ṭabaqah* yang sama pada setiap harakat bahkan mengadunkannya dalam variasi yang berbeza. Ia menjadi pendengar tidak jemu walaupun bacaan beliau telah melangkaui setengah jam lebih.

### 6. Ikhtilal al-Lahn

*Ikhtilal al-lahn* ialah kesumbangan nada suara yang disengajakan mengikut irama dan *ṭabaqah* suatu tarannum. Ia berlaku dalam dua keadaan:<sup>29</sup>

i. Kesumbangan suara yang disengajakan atau terkawal. Kesumbangan seperti ini sangat dikehendaki dalam mempersembahkan suatu tarannum atau harakat.

ii. Kesumbangan suara yang berlaku tanpa kawalan dan tidak sengaja. Keadaan ini mencatitkan harakat, tarannum atau *ṭabaqah* suara seseorang qari.<sup>30</sup>

Pada asasnya, sumbang suara dan lagu walau bagaimana keadaan sekalipun akan mencatitkan suara dan tarannum. Namun, dalam ilmu tarannum masih ada sumbang yang dinilai baik iaitu sumbang sengaja dan terkawal.

Persoalannya, kenapa perlu diperbincangkan ke tahap sumbang sengaja ini. Tidakkah ia mencatitkan bacaan Al-Quran itu sendiri?

Nik Jaafar memberi alasan bahawa sumbang suara adalah fitrah manusia. Hampir setiap qari yang bertarannum pasti berlaku sumbang tidak sengaja. Apatah lagi mereka yang tidak bertarannum. Keadah ilmu tarannum menerima fitrah manusia ini dengan menunjukkan jalan untuk memperbaiki sumbang tersebut. Ini

---

<sup>29</sup> Hj Hasan Musa (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1964), dalam temubual dengan penulis, 10 jun 2009.

<sup>30</sup> Hj Hasan Musa (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1964), dalam temubual dengan penulis, 10 jun 2009.

bereti sekiranya berlaku sumbang, biarlah kesumbangan itu dalam keadaan baik dan tidak merosakkan jatidiri bacaan Al-Quran.<sup>31</sup>

Begitulah juga halnya dengan *wuṣlah al-mumathalah*. Hampir setiap ketika seorang qari membaca Al-Quran dengan perpindahan tarannum dengan sengaja atau tidak. Ilmu tarannum mengajar supaya perpindahan ilmu tersebut menurut kaedah yang sepatutnya.

### 7. Burdah Menarik

Burdah ialah bunga-bunga atau getaran suara yang bersesuaian dan menarik ketika mengalunkan bacaan tarannum.<sup>32</sup> Ianya terbahagi kepada dua jenis:

i. Burdah asli iaitu getaran suara secara semula jadi. Burdah ini dimiliki oleh setiap orang namun ia berbeza dari sifat-sifat burdah sama ada kasar atau halus, keras atau lembut, serta banyak atau sedikit. Ia tidak menjadi perkiraan yang besar dalam ilmu tarannum kerana umum memilikinya.

ii. Burdah *sina'i* iaitu bunga-bunga tarannum yang sengaja disusun dan digubah mengikut kehendak sesuatu tarannum. Burdah inilah yang menjadi perbincangan dalam ilmu tarannum. Ini kerana setiap qari mesti mengguna kebolehan suara yang ada untuk membentuk burdah yang sesuai dan menarik dalam bacaannya.<sup>33</sup>

Burdah yang menarik bukanlah bermaksud ia mesti banyak iaitu dalam setiap pergerakan suara mesti terdapat burdah. Namun yang dikehendaki ialah kesesuaian burdah dan di mana ia dibuat.

Sebagai perbandingan, seorang wanita yang suka memilih pakaian bercorak bunga-bunga tidaklah bermaksud bahawa pakaiannya mesti penuh dengan corak bunga dari hujung rambut hingga hujung kaki. Sekiranya demikian, ia akan kelihatan melampau dan tidak cantik. Kadang-kadang sekuntum bunga dituding lebih menarik dari kuntuman bunga yang banyak.<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Nik Jaafar Nik Ismail (Hakim tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa selama 1990 hingga kini), dalam temubual dengan penulis, 11 jun 2009.

<sup>32</sup> Setina Ismail (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1966), dalam temubual dengan penulis, 15 mei 2009.

<sup>33</sup> Setina Ismail (Johan Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia tahun 1966), dalam temubual dengan penulis, 15 mei 2009.

<sup>34</sup> Nik Jaafar Nik Ismail (Hakim tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa selama 1990 hingga kini), dalam temubual dengan penulis, 11 jun 2009.

Begitulah juga halnya dengan burdah. Ia mestilah sesuai tanpa mengira banyak atau sedikit.

### 8. *Tarīq* Tersendiri

Antara keistimewaan Muṣṭafā Ghalwasy ialah gaya dan alunan tersendiri tanpa dipengaruhi oleh qari-qari yang lain. Sebagaimana yang diterangkan diatas bahawa Muṣṭafā Ghalwasy terpengaruh dengan beberapa qari. Namun adunan beberapa qari tersebut telah melahirkan *Tarīq Ghalwasy* yang tersendiri.

### **Perbandingan Metodologi**

Metodologi bacaan antara qari-qari utama ini akan ada persamaan dan perbezaan. Namun setiap perbezaan tersebut tetap baik dan istimewa dan menunjukkan kelainan antara qari. Sementara persamaan pula lebih menjurus kepada kepada asas-asas tarannum yang tidak dapat diabaikan oleh para qari.

Muṣṭafā Ismā ‘īl kebiasaannya akan memulakan ayat dengan tarannum Bayyati dengan harakat banyak, melebihi 10 harakat. Bacaan beliau kelihatan lambat “panas” namun setelah berpindah kepada tarannum *Bayyati Husaini*, ia kelihatan istimewa dan mempunyai kelainan harakat yang tidak dipunyai oleh qari yang lain. Beliau akan berpindah kepada hijaz, nahawan, rast dan lain-lain dengan teratur dan menarik.

Antara keistimewaan lain beliau adalah gaya harakat yang pelbagai dan tidak mampu ditandingi oleh qari sezaman bahkan sehingga ke hari ini.

Berbeza pula dengan dengan ‘Abd al-Baṣīt ialah suaranya yang unik dan tersendiri iaitu tinggi, tajam, lantang, burdah yang menarik dan ia dilakukan tanpa susah dan memaksa. Sehingga ke hari ini, belum kelihatan qari yang mempunyai ciri suara yang seumpama beliau.

Beliau akan menggunakan kelebihan suara tinggi sepanjang bacaan. Hanya sesekali beliau membawa tabaqah qarar untuk meredakan sedikit persembahan bacaan.

Antara tarannum utama yang sering dibawa beliau adalah Shaba dan Rast dan beliau mampu mengulanginya dengan baik tanpa pendengar merasa jemu. Ini adalah kerana kekuatan suara dan olahan yang baik pada setiap harakat.

## Penutup

Raghīb Muṣṭafā Ghalwasy adalah qari unggul Mesir yang dapat menyempurnakan ilmu tarannum dengan gaya suara yang merdu dan menarik. Beliau juga berjaya mencipta suatu *ṭarīq* yang baik untuk ikutan khusus kepada para qari khususnya di Malaysia. Walaupun menjadi *muqallid* kepada beberapa qari masyhur yang lain namun berdasarkan pembelajaran dan pengalaman, beliau telah berjaya untuk melahirkan *ṭarīq* beliau sendiri yang dikenali dengan *ṭarīq Ghalwasy*.

## Rujukan

- ‘Abduh, Muḥammad. *Al-Fatāwā al-Islāmiyyah min Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah*. Kaherah: Jumhuriyyah al-Miṣr al-‘Arabiyyah, Wizārah al-Awqāf, 1980.
- “Al-Hussein. Mosque”. Laman sesawang Wikipedia, [https://en.wikipedia.org/wiki/Al-Hussein\\_Mosque](https://en.wikipedia.org/wiki/Al-Hussein_Mosque).
- “Mustafa Ghalwash (1938-2016)”. Website Financial Tribune, <https://financialtribune.com/articles/art-and-culture/35749/mustafa-ghalwash-1938-2016>
- “The “Qur’ān of ‘Uthmān” at the Al-Hussein Mosque, Cairo, Egypt, From 1st / 2nd Century Hijra”. Laman sesawang Islamic Awareness, <https://www.islamic-awareness.org/quran/text/mss/hussein>
- Abdullah al-Qari hj Saleh. *Kursus Qari dan Qariah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1984.
- Al-Munawiy, ‘Abd al-Ra’ūf bin Tāj al-‘Ārifīn. *Fayd al-Qādir Sharḥ al-Jāmi’ al-Saghīr*. Mesir: Maktabah al-Tijā’riyah al-Kubrā, 1934.
- Al-Mundhirī, Abd al-‘Azim ibn ‘Abd al-Qawī. *Al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb min Ḥadīth al-Sharīf*. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1933.
- Al-Naysabūrī, Muslim bin Hajjaj al-Qushayrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabi, 1995.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā as-Sulamī aḍ-Ḍarīr al-Būghī. *Sunan al-Tirmidhi*. T.tp: Maktabah al-Tarbiyyah al-‘Arabiyy, 1986.
- Haji Mohammad Haji Yusuf. “Pengajian Al-Quran Berlagu di Kelantan: Sejarah dan Perkembangannya.” Kertas Projek, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.

- Ibn Himmat, Shams al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ḥasan. *Al-Tankit wa al-Ifādah fī Takhrīj Aḥādīth Khātimah Safar al-Sa‘adah*. Damsyik: Dār al-Ma’mūn, t.t.
- Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Ṣādir, 1983.
- Labib, Al-Sa‘īd. *Al-Taghanniy bi al-Qur’ān*. T.tp.: al-Hay’ah al-‘Āmmah li al-Tawzī‘ wa al-Nashr, 1970.
- Muhammad Lukman bin Ibrahim. “Tarannum Al-Qur’an melalui Ṭarīq al-Shaṭībī: Kajian Terhadap Pengamalannya dalam Kalangan Qari-qari Kelantan ke Majlis Tilawah Al-Qur’an Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2010.
- Nik Jaafar Nik Ismail. *Qawa‘id al-Tarannum*. Kuala Lumpur: Darul Fikr, 1998.
- Sa‘danī, Maḥmud. *Alhan al-Sama’*. T.tp.: Maktabah Kutub al-Ādāb, t.t.
- Williams, Caroline. *Islamic Monuments in Cairo: The Practical Guide*. Kaherah: American University in Cairo Press, 2002.